There are two components to the project which is Taman Tugu, where a 26.7ha of green lung is conserved in the heart of Kuala Lumpur and turning it into an urban forest park for the community, as well as the National Public Trust, which is a public trust to own, manage and protect Taman Tugu and other potential assets of heritage value.

Watch the video
thestartv.com



LAMPIRAN 15 THE STAR (NATION): MUKA SURAT 2 TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)

Logging near water catchment

Approval given by Kedah govt despite no EIA report

By R. SEKARAN
rsekarani@thestar.com.my

ALOR SETAR: Logging has been spotted near one of the four major dams in Kedah, triggering concerns that such activities so close to the lake could dry up its tributaries and affect the water catchment area.

Ironically, it is just 28km away from the Ulu Muda Forest Reserve where logging is banned since September last year to protect the vast jungle there.

A trail of logging activities has been spotted in Bukit Keramat in the Kuala Nerang district, revealing a bare hill close to the Ahning Dam. It is just about 2km away from the Ahning Lake, which is a catchment area.

The logging activity appears to have been carried out discreetly deep in the forest area around 4km from the Durian Burung Road, which has no villages or commercial entities.

The only entry to the hill is a small dusty road that makes into several parts of the hill where the logging is carried out.

Photographs and videos captured by drones showed lorries carrying felled logs in and out of the hills continuously to a nearby logging depot.

State Forestry Department deputy director Abd Ramli Zayyahudin Mahli told *The Star* that the state government gave approval to log 1,400ha of the forest reserve land in Aug 1, 2017.

Star Exclusive

"A total of 700ha was logged over the last few months and work is going on at another 700ha," he said, using the term *cuci mangkuk*, which means total felling.

He said the logging was only done now even though the approval was given more than 20 months ago due to the change of government, which delayed the work.

Asked how could it be carried out near a catchment area without an Environmental Impact Assessment (EIA) report, Abd Ramli Zayyahudin said the department only issued the licence to the logging concessionaire while the EIA came under the Department of Environment (DoE).

"The land has been converted from a forest reserve and re-zoned as development."

"Anyway, it's a state directive, which we followed," he added.


State DoE director Mulhabbah Selamat said no application was made for the 1,400ha logging in Bukit Keramat and the department was powerless to do anything with a three-man team.

"We are not into enforcement as this is only done by the Forestry Department," she added.

Under the EIA Order of 2015, it



Barren space: An aerial photo showing ongoing logging activity at a logging depot near Ahning Lake in Kuala



Nerang, Kedah.

states an EIA report is needed for logging or cutting, or taking of timber for the purpose of conversion of forest to other land use that covers an area of 500ha or more, or logging or conversion of a forest to other uses within a catchment area of reservoirs used for municipal water supply, irrigation or hydropower. When contacted, State Works,

Water Supply and Water Resources Committee chairman Zamri Yusof and State Environment, Science and Technology Committee chairman Simon Ooi said they did not have any details on the case.

In January last year, a staggering 500ha of timber land was logged within the Bukit Enggang forest reserve in Sik without an EIA.

Logging activities in a 1,700ha area were also found in Rimba Teloi Forest Reserve in Sik, Gunung Bongu in Kulim and Gunung Inas in Baling in December last year.

Watch the video thestarv.com



LAMPIRAN 16
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 69
TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)



SAIFUDDIN ABDULLAH mendengar penerangan oleh seorang pekerja Lynas ketika melawat kilang itu di Gebeng, Kuantan, Pahang semalam. - UTUSAN/MOHAMAD SHOFI MAT ISA

Perdebatan bukan soal nadir bumi

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
pengarang@utusan.com.my

KUANTAN 20 April -Perdebatan berhubung kilang Lynas Corporation Ltd. (Lynas) di Gebeng di sini bukan soal nadir bumi kerana semua pihak mengetahui kebaikan bahan mineral itu.

Ahli Parlimen Indera Mahkota, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, menerusi kefahamannya, perdebatan adalah berhubung aspek saintifik iaitu kandungan bahan radioaktif dan keselamatan kilang memproses nadir bumi itu.

“Perdebatannya adalah melibatkan soal selamat atau tidak kilang itu. Adakah mengandungi kandungan radioaktif yang tinggi atau rendah, semuanya melibatkan aspek saintifik.

“Pandangan saya, pihak yang terlibat dalam hujahan saintifik membabitkan kilang memproses nadir bumi ini memerlukan perdebatan sihat bagi mencari penyelesaian berhubung isu kilang berkenaan,” katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri sesi taklimat dan melawat kilang Lynas di Kawasan Perindustrian Gebeng hari ini.

Saifuddin berkata, sebagai wakil rakyat di Indera Mahkota, beliau perlu terlibat dan mengetahui tadbir urus Lynas.

Bagaimanapun katanya, untuk menyatakan perkembangan berhubung kilang berkenaan, peranan berbuat demikian terletak pada Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

LAMPIRAN 17
BERITA HARIAN (BH AHAD): MUKA SURAT 2
TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah menyiram pokok tualang sebagai simbolik sambutan Hari Bumi Sedunia di Taman Tugu, Kuala Lumpur, semalam.

Pembangunan seimbang capai status negara maju

➔ Kesedaran pulihara alam perlu dijadikan tanggungjawab secara kolektif, berterusan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia hanya akan berjaya menjadi negara maju apabila dapat memastikan pembangunan fizikal seimbang dengan pemuliharaan alam semula jadi.

Perdana Menteri berkata, kesedaran memulihara alam perlu dipupuk dan dijadikan tanggungjawab secara

kolektif serta berterusan.

"Kita sudah melihat kesan akibat pembangunan tidak teratur dan hanya menekankan faktor keuntungan semata-mata.

Penting pulihara alam sekitar

"Kita perlu sedar bahawa usaha menjadi sebuah negara maju tidak akan tercapai dengan hanya bangunan pencakar langit tetapi sungai tercemar, hutan menjadi tanah tandus dan udara dicemari.

"Kita hanya akan berjaya (menjadi negara maju) apabila berupaya memastikan pembangunan negara beriringan dengan pemuliharaan alam semula jadi dan kehijauan kawasan persekitaran," katanya ketika berucap menyempurnakan sambutan Hari Bumi Sedunia di Taman Tugu, di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; serta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi,

Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

Dr Mahathir berkata, mesej Hari Bumi amat jelas, iaitu perlu mengekalkan dan memulihara alam semula jadi di samping melaksanakan pembangunan negara.

"Hari Bumi sebagaimana kita tahu adalah acara tahunan yang disambut di seluruh dunia pada 22 April. Ia adalah hari untuk orang ramai meraikan planet Bumi dan menekankan betapa pentingnya kita semua memelihara alam semula jadi untuk generasi akan datang," katanya.

Mengulas mengenai Taman Tugu pula, Dr Mahathir berkata taman rimba seluas 26.7 hektar itu wujud sebagai bukti komitmen negara memastikan pembangunan dilaksanakan seimbang dengan alam sekitar.

"Saya difahamkan ada kira-kira 4,000 pokok Hujan Asli Malaysia ditanam di sekitar Taman Tugu. Oleh itu, pemilihan Taman Tugu sebagai lokasi sambutan Hari Bumi amat bermakna," katanya.

LAMPIRAN 18
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12
TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)

12

setempat

21-04-20

BERNAMA

Kuala Lumpur

Malaysia tidak akan berjaya sebagai negara maju jika gagal mengimbangi pembangunan fizikal dengan pemeliharaan alam semula jadi dan mengekalkan persekitaran sedia ada.

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, memelihara alam dan persekitaran semula jadi untuk generasi hari ini dan akan datang adalah tanggungjawab persendirian serta kolektif dan tanggungjawab itu perlu dilaksanakan secara berterusan dalam apa keadaan sekalipun.

"Kita sudah melihat kesan akibat daripada pembangunan tidak teratur dan hanya menekankan faktor keuntungan semata-mata.

"Perlu kita sedari, usaha kita untuk menjadi negara maju tidak akan tercapai atau diiktiraf jika apa yang boleh kita perhatikan adalah bangunan pencakar langit tetapi sungai tercemar," katanya berucap pada sambutan Hari Bumi di Taman Tugu, di sini, semalam.

Dr Mahathir diiringi Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Yeo Bee Yin, Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abd Samad dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr A. Xavier Jayakumar.

Mengulas sambutan Hari Bumi atau dikenali Earth Day

DR Mahathir bersama ahli Kelab Pencipta Alam pada sambutan Hari Bumi di Taman Tugu, semalam.



DR Mahathir dan isteri, Dr Siti Hasmah menyiram pokok tuaiang sebagai simbolik sambutan Hari Bumi.

TAK MAJU JIKA UDARA TERCEMAR

■ Pembangunan fizikal perlu seimbang pemuliharaan alam semula jadi: PM

yang disambut pada 22 April setiap tahun, Dr Mahathir berkata, "kesedaran dalam menjaga alam sekitar perlu diterapkan dan dikongsi semua lapisan masyarakat.

Katanya, sambutan Hari Bumi yang diadakan di Taman Tugu, sebuah taman rimba seluas 26.7 hektar yang terletak di tengah pusat bandar raya Kuala Lumpur juga simbolik yang menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan pembangunan fizikal yang seimbang dengan pembangunan alam sekitar.

"Taman Tugu wujud se-

bagai bukti kepada komitmen kita untuk memastikan pembangunan yang seimbang iaitu pembangunan fizikal yang beriringan dengan pemeliharaan alam sekitar. Saya difahamkan, bahuwa 4,000 pokok hutan hujan asli Malaysia ditanam di sekitar Taman Tugu.

"Ini tambahan kepada 1,000 pokok asal di sini yang terpelihara. Kerana itu pemilihan tapak Taman Tugu untuk sambutan Hari

Bumi pada tahun ini cukup bermakna dan amat simbolik," katanya.

Projek Taman Tugu juga bertujuan melahirkan lebih ramai pencinta alam menerusi program pendidikan awam yang dijalankan khusus pada hujung minggu, katanya.

"Saya turut diberitahu bahawa sejak dibuka kepada orang ramai pada Ogos tahun lalu, Taman Tugu me-

narik 30,000 pengunjung dari dalam dan luar negara.

"Pastinya, jika setiap pengunjung yang datang ke Taman Tugu membawa balik mesej yang sama kepada ahli keluarga dan rakan taulan masing-masing mengenai pentingnya memelihara alam sekitar dan memper-tahankan kawasan hijau, saya percaya peningkatan kesedaran itu akhirnya menjadi sesuatu yang spontan dan tidak lagi perlu kepada sebarang kempen dan peringatan," kata Dr Mahathir.

Antara program diadakan sempena sambutan Hari Bu-

mi ialah jelajah rimba berpandu, bengkel berbasikal, zumba dan persembahan artis terkenal Zainal Abidin.

Projek Taman Tugu adalah inisiatif tanggungjawab sosial korporat Khazanah Nasional Berhad dengan sokongan beberapa kementerian dan agensi kerajaan, syarikat swasta dan badan bukan kerajaan.

Setakat ini, 16.18 hektar daripada keseluruhan 26.7 hektar termasuk denai rimba sepanjang empat kilometer dibuka kepada orang ramai secara percuma setiap hari bermula jam 7 pagi sehingga 6.30 petang.

Baki kawasan 10.52 hektar lagi akan dibangunkan dengan tapak perkhemahan, ruang acara, surau Jumaat dan kuil Hindu yang akan dibuka secara berperingkat bermula tahun ini hingga awal tahun depan.

Tapak Taman Tugu akan diserahkan kepada Amanah Warisan Negara (AWAN) untuk diurus dan dilindungi sebagai kawasan hijau awam.

FAKTA

Projek Taman Tugu juga bertujuan lahir lebih ramai pencinta alam

LAMPIRAN 19
NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 50
TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)

QUESTION OF ACCOUNTABILITY

IT'S A NO-NO FOR PIL 1

ON June 9, 2014, Yeo Bee Yin, who was then a state assemblyman in Selangor, wrote in *The Rocket* (DAP newspaper), that if Kidex (Kinrara-Damansara Expressway) were to be built, it would cost RM2.4 billion or RM161 million per km making it the most expensive highway in Malaysia.

According to the data provided, the most expensive highway then was the RM751 million Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway at RM95 million per km.

The DAP was dead set against Kidex because "it cuts across mature townships incurring the highest construction cost per km".

But on Sept 20, 2018, Yeo, now the Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister, attended a 800-strong townhall in Penang.

The event heard presentations by the consultants on the Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA) report of the Pan Island Link 1 (PIL 1), as well as public feedback.

The Penang Forum submitted detailed feedback regarding concerns over PIL 1 and over 2,000 letters on the DEIA report to Yeo.

Before the event ended, Yeo said that development must be balanced with the environment, and a hard decision was needed.

Instead of reassuring the crowd that decisions would be made on the basis of facts and evidence, i.e. evidence-based policy, she referred to Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad's advice that the best decision was one that would please no one.

She also assured the crowd that she believed no one on the stage was on the take.

Penang Forum did not receive any feedback from the Department of Environment for six months. When Penang Forum wrote to inquire, it received a brief note in March to say the project was under review.

On April 14, it was announced in newspapers that the PIL 1 project had received conditional approval with 56 conditions attached. There was no public engagement in this process. The public is in the dark about those 56 conditions.

In 2014, DAP and Yeo asked for transparency. Now that they are in a position of power to make and implement those decisions, they must practice what they preach.

What do other DAP leaders have to say about the PIL 1? They sing praises about the need for PIL 1. Politicians have short memories.

On May 29, 2012, Chow Kon Yeow, who was then an opposition member of parliament, said: "If



Chow Kon Yeow says the Pan Island Link 1 can ease traffic congestion.
 FILE PIC

the findings of the Halcrow Report is true, Dr Koh (Dr Koh Tsu Koon) would be irresponsible in pushing the PORR (Penang Outer Ring Road) through as this will not be a long-term solution to the traffic congestion on the island."

This was underscored by Lim Kit Siang who said what Penang needed was an efficient public transport system based on a sustainable transport policy.

PORR is the precursor to PIL 1. It shares almost the same alignment except that PIL 1 is longer than PORR. Just as the Halcrow consultants warned that PORR will not solve traffic congestion

after five to eight years, the consultants for the PIL 1 DEIA report gave the same warning. They said congestion would return seven years after PIL 1 was completed.

Why are these politicians who are now in a position of power reneging on their earlier positions?

Why are they not making decisions based on evidence? This is supposed to be a new government that heralds hope. We need to hold them accountable.

DR LIM MAH HUI

Former professor, banker and Penang Island city councillor

LAMPIRAN 20
NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 12
TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)

Acidity tests to be conducted on soil, water

KUALA LANGAT: Selangor has ordered the state Department of Environment (DoE) and the Selangor Water Management Board (Luas) to conduct acidity tests on the soil and underground water surrounding Kampung Jenjarom following what appears to be illegal discharge of chemical by a battery manufacturing factory here.

The tests are to determine the level of acid illegally released by the factory, which started operating in 2014 and was alleged to have no proper disposal method at its premises in Jalan Sukepi in Jenjarom Industrial Area.

Apart from that, the factory is alleged to have violated the laws as its business operating licence allowed it to fill only acid into batteries.

However, it was found to have illegally conducted plumbum melting activities, which causes air pollution through the discharge of lead fumes and dust, as well as recycling of batteries, which breaches the condition of

operating in a medium industrial zone.

The situation was compounded after its plumbum melting equipment was destroyed in a fire in December 2017.

On Jan 30, the Kuala Langat District Council and the DoE sealed the factory and equipment. Its business operating licence was subsequently cancelled on March 15.

Selangor Environment, Green Technology and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian said the tests would take two weeks.

"The acid reading at this surrounding area may be high and it could have happened either because of the illegal discharge by the factory or due to the cracks on the plumbum melting equipment during the fire.

"We believe acid has seeped into the soil and into the underground water, which caused the surrounding streams to be acidic. So we need to investigate this."

Hee said this yesterday after a

meeting with the factory representatives and a visit to the premises, which has been sealed.

Present was Selangor DoE director Shafe'ee Yasin.

Hee said the Selangor government would take action against the factory if it was found to have polluted the environment.

The acidity results from DoE and Luas were important, Hee added, as it would determine the state government's next course of action.

Hee said the factory adhered to the stipulated regulations until the fire incident in December 2017.

"Prior to that, only acid-filling activities were carried out. After the fire and upgrading works on the premises, they included plumbum melting as part of its operations as well as battery recycling, and we do not allow that."

He said the factory would have to move out of the industrial area if it continued to disregard the regulations.



Selangor Environment, Green Technology and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian (left) inspecting a contaminated drain during a visit to the factory's premises in Kuala Langat yesterday.

"The land office has been notified and I have asked the DoE to monitor the situation. On whether the business operating licence will be given back to the factory, it depends on the DoE's recommendation," said Hee.

Shafe'ee said the soil and underground water samples had been taken and would be sent to the Department of Chemistry to be tested.

"Activities relating to the melt-

ing of plumbum need to be part of the Environmental Impact Assessment report (EIA). If there is no EIA report, we will take action against the factory under the Environmental Quality Act 1974 and if found guilty, offenders are punishable to a fine of RM500,000 or a five-year jail term, or both."

Shafe'ee said the investigation paper would be submitted to the Selangor deputy public prosecutor for further action.

LAMPIRAN 21

HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16

TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)



HEE (kiri) membuat tinjauan di kawasan kilang bateri yang menyebabkan pencemaran di sekitar Kampung Jenjarom.

Kilang bateri diberi tempoh baiki rekahan

Banting: Kerajaan negeri mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menjalankan ujian keasidan tanah dan punca air bawah tanah di sekitar Kampung Jenjarom di sini.

Ujian selama dua minggu itu susulan pembebasan bahan kimia secara haram oleh sebuah kilang bateri yang beroperasi di kawasan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal-Ehwal Pengguna negeri Hee Loy Sian berkata, penduduk setempat sebelum ini mengadu mengenai tahap asid yang tinggi di luar kawasan kilang itu walaupun bacaan pada paras tidak membimbangkan.

"Bacaan terkini di kawasan pelepasan pada kadar 6.0 dan ia cukup baik. Mungkin juga kadar bacaan di sekitar kilang tinggi ekoran daripada rekahan yang berlaku ketika kebakaran dan asid sudah menyerap ke dalam air bawah tanah.

"Kita akan menjalankan kajian selama dua minggu untuk memastikan sama ada tahap bacaan asid masih tinggi seperti yang didakwa.

"Selain itu, pengurusan kilang berkenaan bersetuju merobohkan tempat peleburan plumbum namun tidak boleh berbuat demikian ketika ini kerana masih disita," katanya selepas mengadakan lawatan ke kilang itu semalam.

Turut hadir Pengarah JAS negeri Shafe'ee Yasin.

Kata Loy Sian, pengurusan kilang itu sudah diarah membaiki rekahan dikesan pada kawasan pelepasan sisa di premis terbabit susulan tindakan sitaan oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan JAS pada Januari lalu, manakala lesen-nya dibatalkan 15 Mac lalu.

"Pemilik kilang itu juga tidak dibenarkan meneruskan aktiviti peleburan plumbum dan kitar semula bateri berikutan ia melanggar syarat lesen operasi ditetapkan.

"Kami dapati kilang yang beroperasi di kawasan industri sederhana ini hanya dibenarkan menjalankan kerja pengisian asid ke dalam bateri. Namun, kilang itu turut melakukan peleburan plumbum dan disita sejak 30 Januari lalu," katanya.

Shafe'ee pula berkata, sampel tanah dan air bawah tanah sudah diambil pihaknya dan akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

"Perlu ada Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi aktiviti peleburan plumbum. Jika laporan itu tiada, tindakan boleh diambil terhadap pemilik kilang mengikut Akta Alam Sekitar 1974.

"Kita dalam proses akhir untuk melengkapkan kertas siasatan dan akan mengemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya," katanya.

Sementara itu, penduduk, Dahlia Tahiri, 56, berkata, keluarganya bimbang dengan tahap kebersihan udara serta air di kawasan sekitar berikutan kewujudan kilang berkenaan.

FAKTA
Pengurusan kilang berkenaan setuju robohkan tempat peleburan plumbum

LAMPIRAN 22
NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 12
TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)

BATTERY MANUFACTURING FACTORY

KG JENJAROM **FOLK ALARMED** **BY POLLUTION**

Deteriorating quality of water, land and air due to factory operations not safe for children, they claim

DAWN CHAN
KUALA LANGAT
 cnews@nstp.com.my

KAMPUNG Jenjarom resident Salmiah Parita is used to having her two grandchildren over at her home during the weekends, where they would spend quality time and catch up over family matters.

However, that changed over the last few months as the grandmother had advised them against coming home, due to pollution believed to have been caused by a

battery manufacturing factory in Jalan Sukepi in the Jenjarom Industrial Area.

"I miss having my grandchildren at my house but what can I do? I do not want them to be exposed to the pollution. The air is no longer clean here due to the lead fumes, and the soil has become more acidic. It is no longer safe for them to play around here any more."

"Instead of them coming over, I now make the more than one hour journey to their house in Puncak Alam. It is much better there," said Salmiah, who was born and raised in Jenjarom.

She added that she was not only feeling the heartache of missing her grandchildren, but also had been experiencing poor health since the factory began its operations.

Salmiah, 63, said the land where the factory was located was vacant previously. The factory was built in 2011.

With her house less than 100m away from the factory, Salmiah said she was confident that it had complied with the rules and regulations.

"Since the water, land and air was polluted, my health has deteriorated. I have been suffering from prolonged cough, flu and fever. My throat is sore. Even my husband has been feeling unwell of late."

"The authorities must ensure the factory is closed and moved elsewhere. Our health is at great risk," said Salmiah.

Echoing Salmiah was her neighbour, Dahlia Tahiri, 56, who is also concerned as she had been having coughing bouts lately.

"I am worried about the health and wellbeing of children who attend Tadika Hidayatul Ummi and SMK Jenjarom. Both schools are less than 300m from the factory."

"I have asked my grandchildren, aged 5 and 3, to refrain from playing near the drains and outside our home as the soil may be contaminated. I have also told

them to stay indoors because of the polluted air," she added.

Dahlia said the Selangor government should ensure the factory was shut down and not allowed to operate in other states too, as it posed a health hazard.

Salmiah and Dahlia were part of a 100-strong crowd who held a peaceful protest in front of the factory in Jalan Sukepi.

Led by village representative Nazri Afrizal, the villagers held up placards that read "Say No to Lead Poisoning" and "We are not Lab Rats".

Nazri expressed his disappointment in not being allowed to meet Selangor Environment, Green Technology and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian and factory representatives.

"I do not know why I was barred because all I wanted to do was share my views and the worries of some 6,000 kampung folk here."

"The law requires a buffer zone of 500m between a chemical factory and a residential area, but this was clearly not adhered to."

The two schools are just 200m away. The factory should cease operations immediately as it had admitted in a dialogue recently to not having a proper drainage system in its premises.

"We do not want the younger generation to be affected. The health risks and side effects cannot be seen now. It takes time and we have to act fast," he said.

Nazri handed a petition signed by more than 100 residents calling for the factory's approval to be reviewed and its premises to be moved to a heavy industrial zone.

Kuala Langat Environmental Action Group member Pua Lay Peng said water samples taken from the drains in front of the factory showed its lead content was almost five times higher than the acceptable limit of 0.5 parts per million (PPM).

She urged the Department of Environment to immediately implement measures to prevent further contamination of groundwater.



Residents protesting outside the battery manufacturing factory in Kuala Langat yesterday. PIX BY ROSLIN MAT TAHIR

LAMPIRAN 23
UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 17
TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)

Jangan tunggu lebih banyak kerosakan alam sekitar

SAUDARA PENGARANG,

KEJADIAN pencemaran Sungai Kim Kim, Pasir Gudang baru-baru ini memberikan seribu satu iktibar untuk Malaysia terus mengorak langkah dalam pembangunan yang semakin pesat. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memperkenalkan konsep Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD) seawal 1983 kerana menyedari pembangunan tidak dapat dielakkan tetapi boleh dilakukan dengan kaedah yang lebih lestari jika meletakkan pendidikan sebagai kuncinya.

Pada 2015, ESD diperkasakan dengan memperkenalkan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang perlu dicapai menjelang 2030 supaya dunia mengekalkan keseimbangan dalam tiga aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar walaupun mengalami pembangunan yang pesat. Tujuan ESD adalah untuk memberikan pendidikan kepada semua pihak dari peringkat sekolah hingga kerajaan.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan memperkenalkan Pendidikan Alam Sekitar sejak 1985 tetapi pelaksanaannya amat bergantung kepada pengetahuan guru sekolah terhadap isu alam sekitar.

Pada 2014, Wilayah Iskandar Malaysia telah diiktiraf sebagai RCE Iskandar (*Regional Centre of Expertise on ESD*) oleh *United Nations University* (UNU). Sekretariat RCE Iskandar adalah Universiti Teknologi Malaysia



SEKOLAH yang terjejas teruk akibat pencemaran toksik terletak berhampiran dengan Sungai Kim Kim. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

(UTM) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA). RCE Iskandar telah menjalankan pelbagai usaha bagi mendidik masyarakat khususnya pelajar tentang kepentingan penjagaan alam sekitar melalui program seperti *Iskandar Malaysia Ecolife Challenge* (IMELC).

Pada masa sekarang, tindak balas segera untuk mengatasi pencemaran Sungai Kim Kim sedang diambil oleh pelbagai pihak, namun pendidikan kelestarian harus dilihat untuk mengatasi isu ini. Ini kerana 29 daripada 51 sungai paling tercemar yang disenaraikan oleh **Jabatan Alam Sekitar** pada 2017 ada di Johor. Ia sekali gus memberi indikasi kepada perlunya pendidikan kesedaran yang lebih hebat.

Pelan Tindakan Pendidikan Kelestarian Johor 2019-2023 juga haruslah mendapat sokongan

padu demi melahirkan generasi baharu yang bukan sahaja prihatin kepada penjagaan alam sekitar, malahan mengambil tindakan bagi mengekang kerosakan dan memulihara alam sekitar.

Manalah tahu, Johor bakal melahirkan seorang aktivis muda seperti Greta Thunberg dari Sweden yang kini menjadi calon Hadiah Keamanan Nobel kerana memimpin perjuangan daripada lapisan anak muda untuk menyedarkan para pemimpin dunia supaya mengambil tindakan mengekang perubahan iklim. Dan mungkin aktivis itu ada dalam kalangan pelajar yang sedang dirawat di Hospital Sultan Ismail. Semoga diberikan kesembuhan dan bangkit melakukan sesuatu kelak.

PROF. MADYA DR. FATIN ALIAH PHANG
UTM

LAMPIRAN 24
HARIAN METRO (1KLASSIFIEDS): MUKA SURAT 83
TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)

Kerjasama Industri UniKL MESTECH & 3M Seremban

Melalui Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat

Community



UNIVERSITI KUALA LUMPUR, Institute Teknologi Sains Perubatan (UniKL MESTECH) dan Syarikat 3M Seremban (Malaysia) Sdn Bhd telah menganjurkan aktiviti "Beach Clean Up" di Pantai Cermin, Port Dickson, Negeri Sembilan pada April 13. Aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini adalah cetusan idea Jurutera Kanan (Keselamatan, Alam Sekitar dan Kesihatan) 3M Seremban, Puan Khadijah Elias. Inisiatif ini sejajar dengan keperluan semasa untuk menggalakkan kesedaran masyarakat terhadap langkah-langkah menjaga alam sekitar. Aktiviti ini turut mendapat sokongan penuh daripada Majlis Perbandaran Port Dickson dan SWCorp cawangan Port Dickson.

Seramai 90 orang sukarelawan terdiri daripada kakitangan dan mahasiswa UniKL MESTECH serta kakitangan 3M Seremban telah terlibat membersihkan Pantai Cermin sepanjang 1.5 kilometer. Antara sisa yang paling banyak dikumpulkan adalah sisa plastik, bekas polisterin dan puntung rokok. Semua sisa yang dikutip, telah dikumpulkan dan diangkut oleh pihak SWCorp Port Dickson selepas tamat aktiviti.

Para sukarelawan daripada UniKL MESTECH dan 3M Seremban

Selain itu, pameran pendidikan berkaitan pencemaran pantai turut dijalankan oleh para mahasiswa UniKL MESTECH. Pameran menekankan kepada aspek

pencemaran pantai terutamanya impak sisa plastik ke atas hidupan akuatik. Risalah berkaitan pencemaran marin yang diperolehi daripada **Jabatan Alam Sekitar W/P Kuala Lumpur** berjaya diedarkan kepada para sukarelawan dan orang awam yang hadir.

Menurut Ketua Seksyen Kesihatan Persekitaran, UniKL MESTECH, Encik Mohamed Zul Fadhli Khairuddin, Program Kesihatan Persekitaran di UniKL adalah unik dan menyeronokkan kerana pihak Institusi amat mengutamakan aktiviti seumpama ini sebagai elemen tambahan kepada pembelajaran di kampus kerana mahasiswa dapat merasai "fun learning", mempraktikkan teori dan mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan interaksi dengan masyarakat.

Di samping itu, Dekan UniKL MESTECH, Dr Reezal Ishak mengharapkan kerjasama yang lebih positif dapat diteruskan bersama 3M Seremban dalam pelbagai aktiviti pada masa akan datang selain memuji usaha SWCorp Port Dickson dalam mendukung aktiviti seperti ini dan komitmen menjaga kebersihan pantai di seluruh Port Dickson.

Aktiviti ini diakhiri dengan nasihat daripada Pengurus 3M Seremban, Encik Joshua Sang, bahawa Tuhan telah menciptakan langit untuk bumi dan bumi untuk manusia, maka tanggungjawab manusia adalah untuk menjaga dan memelihara segala ciptaan sebaik-baiknya.

* Jika anda ingin memaparkan acara tanggungjawab sosial korporat (CSR), emelkan kepada 1klassnstp@gmail.com.

DARI KIRI, Zul Fadhli, Dr Reezal Ishak dan Joshua Sang



PARA sukarelawan daripada UniKL MESTECH dan 3M Seremban

LAMPIRAN 25
BERITA HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 63
TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)

PEMBEBASAN BAHAN KIMIA SECARA HARAM OLEH KILANG BATERI

JAS, LUAS diarah buat ujian keasidan

➔ Periksa keadaan tanah, punca air bawah tanah sekitar Kampung Jenjarom

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

► Banting

Kerajaan Selangor sudah mengarahkan **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** negeri dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menjalankan ujian keasidan tanah dan punca air bawah tanah di sekitar Kampung Jenjarom.

Ujian selama dua minggu itu susulan pembebasan bahan kimia secara haram oleh sebuah kilang bateri yang beroperasi di kawasan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal-Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian, berkata sebelum ini penduduk di kawasan sekitar mengadu mengenai tahap asid yang tinggi di luar kawasan kilang walaupun bacaan dalam

premis berkenaan pada paras yang tidak membimbangkan.

"Bacaan terkini di kawasan pelepasan pada kadar 6.0 dan ia cukup baik. Mungkin juga kadar bacaan di sekitar kilang tinggi berikutan daripada rekahan yang berlaku ketika kebakaran dan asid sudah menyerap ke dalam air bawah tanah.

"Kita akan jalankan kajian selama dua minggu untuk pastikan sama ada tahap bacaan asid masih tinggi seperti yang didakwa. Selain itu, kilang juga bersetuju untuk merobohkan tempat peleburan plumbum. Bagaimanapun, mereka tidak boleh berbuat sedemikian buat masa ini kerana masih disita," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke kilang berkenaan, semalam. Yang turut hadir, Pengarah JAS Selangor, Sha-fe'e Yasin.

Loy Sian berkata, pada awalnya, kilang berkenaan yang beroperasi sejak 2014 mematuhi syarat yang ditetapkan iaitu pengisian asid saja bagaimanapun selepas berlaku kebakaran pada Disember 2017, mereka dikesan turut melakukan peleburan plumbum.

Katanya, pengurusan kilang itu sudah diarahkan membaiki rekahan dikesan pada kawasan pelepasan sisa di premis itu susulan tindakan sita oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Jabatan



[FOTO ROSLIN MAT TAHIR /BH]

Loy Sian meninjau kawasan kilang bateri yang menyebabkan pencemaran di sekitar Kampung Jenjarom, Banting, semalam.

Alam Sekitar (JAS), pada Januari lalu, manakala lesennya dibatalkan pada 15 Mac lalu.

Tak dibenar teruskan aktiviti
Beliau berkata, pemilik kilang itu juga tidak dibenarkan meneruskan aktiviti peleburan plumbum dan kitar semula bateri berikutan ia melanggar syarat lesen operasi yang ditetapkan.

"Kita dapati kilang yang bero-

operasi di kawasan industri sederhana ini hanya dibenarkan menjalankan kerja pengisian asid ke dalam bateri bagaimanapun, kilang itu dikesan turut melakukan peleburan plumbum. Justeru, kilang ini disita sejak 30 Januari lalu dan tiada sebarang aktiviti dibenarkan selain daripada membaiki rekahan di kawasan pelepasan," katanya.

Seorang penduduk, Sarimah Pa-

rita, 63, berkata kedudukan rumahnya kira-kira 100 meter dari kilang berkenaan dan berisiko untuk terkena bahan kimia yang dilepaskan oleh kilang.

"Saya sering batuk dan tekak menjadi kering malah suami juga sering berasa lesu dan tidak sedap badan. Saya juga seperti penduduk lain yang mengharapkan agar kilang ini ditutup kerana ia membahayakan nyawa," katanya.

LAMPIRAN 26
NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 12
TARIKH: 22 APRIL 2019 (ISNIN)

TACKLING SEA POLLUTION

'Use infrared technology to boost monitoring of oil dumping'

KUALA LUMPUR: A more concerted effort by all agencies is needed to monitor and tackle oil dumping in Malaysian waters.

Dr Harinder Rai Singh, who is Universiti Teknologi Mara's Faculty of Applied Sciences lecturer, said enforcement agencies need to use the latest technology to boost monitoring of such illegal activities.

Harinder, who is also a member of the Malaysian Society of Ma-

rine Sciences, said to prevent a recurrence of oil-dumping cases like that in Kota Tinggi, Johor, more resources need to be allocated to enforcement agencies.

He believed that the major perpetrators were foreign vessels which passed through Malaysian waters.

"The Malaysian waters and ports are patrolled and monitored by the authorities, including the Straits of Malacca.

"The Straits of Malacca is easier to monitor and patrol as the area is smaller and the authorities are able to spot illegal activities.

"Ports located along the South China Sea, however, are more difficult to monitor given the larger coverage area.

"This could be a factor behind the relative ease with which passing foreign vessels dump waste, especially at night."

Harinder said the use of in-

frared technology could help the authorities address this problem.

"For passing vessels, we can use satellites to track them and extrapolate the data by gathering where the ships have gone.

"Drones can be used to monitor the ships but these efforts must be made in collaboration of the agencies."

Harinder's recommendation echoes calls by environmentalists for increased patrols by the au-

thorities to ensure that the Johor port is not only kept clean, but also to capture polluters and penalise them according to the law.

On April 18, the Johor Marine Department detected a 1km oil spill in the Tanjung Balau waters.

It was estimated that 300 tonnes of marine fuel oil had been discharged into the sea and the spill covered an area spanning four nautical miles from the coast. **By Teh Athira Yusof**

LAMPIRAN 27
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 11
TARIKH: 22 APRIL 2019 (ISNIN)



TOMPOKAN sisa minyak terbaru yang ditemui di kawasan 2.8 batu nautika dari Tanjung Penawar.

TANJUNG PENAWAR TERCEMAR

KUMPUL 64 GUNI SISA MINYAK

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Johor Bahru

Pemantauan dan usaha berterusan Jabatan Laut Wilayah Selatan dalam menangani isu pembuangan sisa minyak Marine Fuel Oil (MFO) berjaya mengutip lebih 58 peratus bahan tercemar itu di perairan Tanjung Penawar di sini.

Pengarah Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor), Dickson Dollah, berkata, perkembangan positif itu hasil laporan pasukan Oil Spill Response (OSR) Jabatan Laut sejak Khamis lalu.

"Sepanjang tiga operasi pemantauan, sebanyak 64 guni sisa minyak MFO berjaya dikumpulkan menggunakan alat penyerap minyak absorbent boom. "Sebanyak 58 peratus sisa minyak di laut sudah berjaya dikawal dan dirawat," katanya ketika dihubungi bagi mengetahui operasi pembersihan minyak MFO di perairan Tanjung Penawar di sini, semalam.

Beliau berkata, operasi



“Semburan kimia masih digunakan dalam operasi itu supaya minyak berkenaan menjadi cair dan tidak bergerak ke kawasan pantai”

Dickson Dollah

hari keempat semalam menemukan kedudukan sisa minyak terbaharu di kawasan 2.8 batu nautika dari Tanjung Penawar di sini.

"Operasi dimulakan pada jam 8 pagi menggunakan kekuatan satu aset Bot Al Nilam bersama 10 anggota.

"Pemantauan dimulakan

di sekitar perairan Tanjung Balau hingga ke Teluk Penawar dan menemukan tompokan baru di perairan Tanjung Penawar," katanya.

Katanya, anggaran keluasan satu kilometer panjang dan 200 meter lebar penemuan tompokan minyak baharu selepas setengah jam operasi dilakukan semalam.

Katanya, sebanyak 12 alat absorbent boom digunakan sehingga jam 12.30 pagi berjaya menyerap minyak MFO di perairan itu.

"Keadaan cuaca pada operasi hari keempat semalam sangat baik dengan keadaannya berangin dan air pasang," katanya.

Beliau berkata, semburan kimia masih digunakan dalam operasi itu supaya minyak berkenaan menjadi cair dan tidak bergerak ke kawasan pantai.

"Pada masa sama, keadaan cuaca yang panas membantu proses peluwapan," katanya.

Mengulas dalam operasi kelmarin katanya, tompokan minyak ditemui di Tanjung Punggai dengan anggaran keluasan 200 hingga 300 meter di kedudukan 4.4 batu nautika dari kawasan itu pada jam 1.45 petang.

LAMPIRAN 28

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4

TARIKH: 22 APRIL 2019 (ISNIN)

INFO

PROJEK TEBUS GUNA SELATAN PULAU PINANG (PSR):
Kawasan terlibat: Permatang Damar Laut, Teluk Kumbar
Jumlah: 3 buah pulau
Keluasan: Kira-kira 1,800 hektar
Pulau A: 930 hektar
Pulau B: 566 hektar
Pulau C: 255 hektar
Pihak pelaksana: Konsortium SRS
Anggaran nelayan terlibat: 805 keluarga dengan 3,140 orang
Sasaran mula projek: Dalam tempoh dua tahun akan datang
Tujuan: Menjana pembangunan ekonomi negeri dan membiayai pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang.
Kos PIP: Anggaran RM46 bilion
Komponen PIP: Terowong dasar laut; Transit Aliran Ringan (LRT), monorel, kereta kabel, teksi air dan beberapa lebuh raya.

KAWASAN perairan yang dicadangkan untuk ditambah sehingga mencetuskan kegelisahan komuniti nelayan yang bakal hilang mata pencarian di Teluk Kumbar, Pulau Pinang.



GAMBARAN artis mengenai kawasan laut yang dirancang untuk ditambah membentuk tiga pulau di Teluk Kumbar, Pulau Pinang. INTERNET

Tambak laut, manfaat atau bencana?

Oleh **MOHD. KHUZAIRI ISMAIL**
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 21 APRIL

SUKA atau tidak, satu lagi projek tambak laut iaitu di selatan perairan negeri ini (PSR) hampir pasti bakal dilaksanakan sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun akan datang. Hakikat itu diperkuatkan lagi dengan reaksi Ketua Menteri, Chow Kon Yeow terhadap pengumuman Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) minggu lalu. Meskipun terdapat sedikit percanggahan antara pendirian Kon Yeow dengan MPFN, namun pada dasarnya, projek di Teluk Kumbar itu dipersetujui sekiranya kerajaan negeri mematuhi 18 nasihat yang digariskan.

Disebabkan tiada badan khusus yang pada akhirnya akan memutuskan mengenai projek

itu, maka keputusan kini terletak pada kerajaan negeri untuk mematuhi 18 nasihat berkenaan seterusnya memulakan projek tersebut.

Persoalannya adakah bahagian pulau negeri ini mampu untuk terus menampung sekian banyak projek tambakan laut?

Ketika ini, beberapa projek tambak laut telah diluluskan dan dicadangkan di beberapa bahagian negeri ini seperti di timur laut dan tenggara selain projek PSR itu.

Antaranya adalah kerja menambak laut untuk projek Seri Tanjung Pinang Fasa 2 yang juga termasuk penambakan laut di pantai Persiaran Gurney; Bayan Bay dan Bayan Mutiara.

Secara keseluruhan juga, beratus-ratus hektar kawasan laut di negeri ini sudah ditambah sehingga peta demografi negeri ini semakin berubah dan terganggu.

Ini adalah kebimbangan utama banyak pihak iaitu risikonya kepada keselamatan negeri ini termasuk kemampuannya berdepan bencana alam seperti tsunami.

Ini kerana seperti dipersetujui pakar marin, kerja tambak laut akan merubah ciri-ciri hidrologi iaitu aliran air dan pemindahan tenaga ombak semula jadi ke kawasan lain.

Disebabkan itu, di kawasan-kawasan yang ditambah seperti di pesisir Tanjung Tokong di sini, kejadian hakisan pantai yang serius bukan sesuatu yang asing disebabkan perubahan ombak tersebut.

Di negeri ini juga, kerja menambak laut yang dijalankan lebih awal telah memberikan kesan buruk terhadap kualiti air laut akibat pencemaran yang kesannya dirasai sehingga kini.

Ini disebabkan kerja-kerja mengorek dan menimbus pasir

yang menghasilkan mendapan lumpur sekali gus memusnahkan sumber hidupan laut negara.

Kemusnahan ini bukan lagi rahsia malah rungutan nelayan yang hilang mata pencarian selepas ikan, ketam, udang dan kerang di kawasan laut mereka musnah boleh didengari saban hari.

Dari satu sudut, rakyat memahmi matlamat kerajaan negeri menambak laut di Teluk Kumbar itu bertujuan mengumpul dana untuk menjayakan Pelan Induk Pengangkutan (PIP).

Pelan ini kelak yang menawarkan pelbagai mod pengangkutan bakal menyelesaikan masalah kesesakan lalu-lintas di negeri ini yang semakin hari semakin serius.

Namun, pertimbangan sewajarnya perlu dibuat adakah kemusnahan kawasan laut itu memadai atau berbaki dengan penyelesaian lalu-lintas seperti

diharapkan kerajaan negeri.

Apakah tidak ada cara lain yang boleh dilakukan kerajaan negeri yang kini sudah berkongsi kuasa dengan Kerajaan Pusat untuk mencari dana bagi menayakan PIP selain menambak laut?

Barangkali jalan terbaik ketika ini adalah bertemu seramai dan sebanyak mungkin penduduk serta NGO pelbagai latar belakang sebelum sebarang keputusan muktamad mengenai projek ini dibuat.

Projek mega seperti ini tidak wajar hanya diputuskan menerusi persetujuan dasar di peringkat pentadbiran kerajaan negeri atau perbincangan dengan pihak pemaju semata-mata.

Ini kerana yang bakal menanggung kesan sama ada buruk atau positif projek ini kepada kelangsungan hidup mereka secara jangka masa panjang adalah penduduk negeri ini.

LAMPIRAN 29
KOSMO! (GENK): MUKA SURAT 25
TARIKH: 22 APRIL 2019 (ISNIN)



LAMPIRAN 29 (SAMB.) KOSMO! (GENK): MUKA SURAT 26 TARIKH: 22 APRIL 2019 (ISNIN)

26

GENK
 EKSPRESI GENERASI KOSMO!

Oleh **MOHD. AIDIL YUSOF**
 Foto **AIZZUL A. MAJID**

PARA pelajar teruja melihat alatan yang digunakan angkasa di Planetarium Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pupuk minat sains sejak sekolah rendah

REPLIKA roket yang dibina pelajar ini mampu terbang sejauh 50 meter.

UMMI AISYAH

ZURINA

SYAIRUL

AKTIVITI mencari harta karun mengikut semangat kerjasama antara para peserta.

UACA panas terik di hadapan ruang legar Planetarium Negara, Kuala Lumpur tidak mematahkan semangat para pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Pinggiran Putra, Kajang, Selangor dan SK Putrajaya Persint 16(2) untuk melancarkan roket rekaan kumpulan masing-masing.

Kelihatan pelajar amat teruja apabila replika roket daripada botol yang dilancarkan itu mampu terbang sejauh 50 meter dengan sokongan alat pemancar roket.

Menurut pelajar SK Desa Pinggiran Putra, **Ummi Aisyah Abdul Hadi**, 12, kumpulannya mengambil masa hampir dua jam untuk menyiapkan roket itu kerana memerlukan penelitian dan mengikut proses yang diajar oleh cikgu.

"Pengorbanan masa yang lama itu berbaloi setelah melihat replika roket yang kami buat dapat terbang dengan jarak paling jauh berbanding kumpulan lain," katanya ketika ditemui *GenK* di Planetarium Negara baru-baru ini.

Tambah Ummi Aisyah, selain pembuatan roket, dia dan rakan-rakannya dapat mempelajari lebih mendalam bidang sains terutamanya astronomi.

"Sebelum datang ke sini, saya kurang minat subjek Sains kerana ia agak susah untuk difahami tetapi setelah melihat alat-alat yang canggih digunakan oleh angkasa dan teknologi sains, timbul perasaan mahu pelajarnya.

"Mungkin saya akan menunjukkan minat untuk mengetahui lebih lanjut hasil program yang dianjurkan.

"Melalui cara pendedahan ini, pelajar lebih memahami tentang ilmu sains kerana mereka bukan sahaja mempelajarinya secara teori malah boleh merasai sendiri pengalaman mencipta roket.

Lebaran baharu

"Bagi saya, ia membuka lebaran baharu dalam teknik mempelajari ilmu sains melalui cara lebih santai dan menggunakan teknologi sedia ada.

"Bahkan, di Planetarium, mereka turut didedahkan dengan fasiliti yang kebiasaannya digunakan oleh ahli astronomi. Secara tidak langsung, mereka akan memahami manfaat bidang ini dalam kehidupan seharian," ujarnya.

Katanya lagi, menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk guru sekolah rendah memainkan peranan penting untuk memupuk minat murid dalam subjek sains sekali gus mendorong mereka memilih aliran berkenaan apabila berada di sekolah menengah.

"Paling menarik, program yang dilakukan mendapat sambutan daripada ahli keluarga pelajar masing-masing. Ada yang datang awal pagi untuk melihat anaknya mencipta roket.

"Penganjuran ini sekaligus memberi kesedaran kepada para ibu bapa bahawa aliran sains sebenarnya luas, bukan sekadar menjadi ahli astronomi semata-mata," katanya.

"Sebenarnya amat perlu didikan daripada akar umbi untuk memupuk minat pelajar sejak dari kecil tentang sains. Sebab itu sasaran kami adalah peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

"Ramai pelajar beranggapan bidang sains susah kerana istilah yang digunakan dalam subjek tersebut agak rumit dan sukar fahami.

"Jadi, ini merupakan inisiatif Pusat Citra 5, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) meningkatkan pemahaman mereka dalam bidang sains," katanya.

Tambahnya yang juga Penylaras Pusat Citra 5, UKM, program itu juga sebagai cara warga UKM berkongsi pengetahuan dalam bidang sains bersama pihak sekolah dan masyarakat.

Ia turut diakui guru SK Putrajaya Persint 16(2), **Syairul Mus Azreen Mustafha**, para pelajar

LAMPIRAN 30
NEW SUNDAY TIMES (SUNDAY VIBES /SAVY): MUKA SURAT 40
TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)

THE ocean is so vast that it's hard to imagine that we humans can do anything to damage it. But today there are over seven billion people living on earth. The demand for food and the pervasive use of single-use plastic is taking its toll on the ocean.

Of course, plastic is not the only thing damaging our oceans but it's by far the worst offender. Experts estimate that some eight million metric tonnes of plastic waste enter our oceans annually. Some microplastics — bits of plastic that are less than five millimetres long — also find their way to the sea and these end up getting ingested by fish and other marine animals.

Experts say if things don't change, there will be more plastic than fish by 2050. This isn't inevitable. A change in public opinion about single-use plastic and various initiatives and technologies are trying to repair the harm done thus far and turn the tide on plastics in the ocean. Here are some of the most promising solutions.



FUTURE PROOF
OON YEOH IS A CONSULTANT WITH EXPERIENCES IN PRINT, ONLINE AND MOBILE MEDIA. REACH HIM AT OONYE@H@gmail.com

APPS
Marine Debris Tracker (www.marinedebris.engr.uga.edu) is an app developed by the US National Oceanic and Atmospheric Administration and the University of Georgia. It allows people to report when they see marine debris or litter along the coastlines or waterways.

Clean Swell (oceanconservancy.org/)



The Ooho material degrades in a natural environment.

Saving the ocean



A floating rubbish bin.

trash-free-seas/international-coastal-cleanup/cleanswell) lets you track your individual clean-up progress, compare it with others' and helps the Ocean Conservancy — a global movement to keep the oceans trash free — track what items find their way onto beaches. Plus, you can share your efforts via social media to encourage others to help to do their part too.

SEABIN

Seabin, as its name implies is literally a floating rubbish bin designed to help keep ports and marina clean. The device moves up and down with the range of tide, collecting all floating rubbish along the way. Water is sucked in from the surface and passes through a catch bag inside the Seabin, with a submersible water pump capable of displacing 25,000 litres per hour, plugged directly into either a 110V or 220V outlet. The water is then pumped back into the marina leaving litter and debris trapped in the catch bag. Seabin can catch an estimated 3.9kg of floating debris per day or 1.4 tonnes per year (depending on weather and debris volumes) including micro plastics down to 2mm small.

THE OCEAN CLEANUP

The Ocean Cleanup's technology aims to tackle the so-called "Great Pacific Garbage Patch", a huge accumulation of plastic (roughly twice the size of Texas) floating between Hawaii and California. The technique used is a 600-metre floating pipe, carried by the ocean waves, which captures plastic along the way. It's supposed to be able to collect up to five tonnes of ocean plastic per month. Because most of the current flows underneath, and plastic tends to float at the top, this technology prevents fish and other marine species from getting caught. The organisation's ambitious goal is to remove 90 per cent of the ocean's plastic by 2040.

EDIBLE PACKAGING

Around 40 per cent of plastic manufactured is single-use packaging, some of which eventually find its way to the ocean. Several companies are working on creating edible packaging instead.

Skipping Rocks Lab is an innovative sustainable packaging start-up pioneering the use of natural materials extracted from seaweed to create packaging with low

environmental impact. The company's goal is to create waste-free alternatives to plastic bottles, cups, plates and so on.

Its first product, Ooho, is a spherical flexible packaging that can also be used for liquids including water, soft drinks, spirits and cosmetics. According to the company, its proprietary material is actually cheaper than plastic. The Ooho material degrades in a natural environment in six weeks and is edible.

EvoWare makes eco-friendly, biodegradable and edible food packaging using seaweed as the raw material. Its products have a two-year shelf life, even without any preservatives, and are high in fibre, vitamins and minerals. They can be customised to give a specific taste, colour and brand logo. They are also printable and heat sealable. Its edible-grade products include food wraps (burger wrap, sandwiches, bread, etc), coffee sachets and dry seasoning sachets.

GLOBAL MOVEMENT

The New Plastics Economy is a global initiative involving over 250 companies that aims to build a plastics system that doesn't harm the environment. It brings together key stakeholders to rethink and redesign the future of plastics, starting with packaging. According to its vision, in a new plastics economy, plastic never becomes waste or pollution. It aims to do this by promoting the elimination of problematic or unnecessary plastic packaging through redesign, innovation and new delivery models, encouraging the use of plastic packaging that is 100 per cent reusable, recyclable or compostable.


With all these things happening, our oceans may actually have a chance to be plastic-free within a generation.



LAMPIRAN 31

NEW SUNDAY TIMES (NEWS/ NATION): MUKA SURAT 8

TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)



Johor Marine Department crew cleaning up the oil spill in Tanjung Balau, Kota Tinggi, on Thursday. PIC BY ZAIN AHMED

TANJUNG BALAU OIL SPILL

BRING THE POLLUTERS TO BOOK, SAY NGOS

Environmentalists want swift action against those caught polluting in Malaysian waters

MOHD NOOR ASWAD
KUALA LUMPUR
news@nstp.com.my

ENVIRONMENTALISTS are appalled at the oil spill off the coast of Johor and want the authorities to bring those responsible to justice.

On Thursday, the Johor Marine Department detected a 1km oil spill in Tanjung Balau waters.

It was estimated that 300 tonnes of marine fuel oil had been discharged and the spill covered an area four nautical miles from the coast.

Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia president Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil said the waters off Johor had become a dumping ground for ships.

"Have the authorities taken action against those who pollute the waters off Johor?"

"Why is water in Singapore cleaner compared with in Malaysia?"

"I have heard rumours that before ships enter Singaporean waters, they would dump their rubbish and discharge waste in Malaysian waters."

"The dumping is not done in Singaporean, Indonesian, Thai or Vietnamese waters. It seems like the protection around Johor waters is not well enforced."

Shariffa said in other countries, if people were found guilty of polluting the environment, they would receive harsh punishment.

"We need stricter laws against those who pollute the environment and stricter patrolling around Johor waters, or else there'll be a recurrence of such cases."

Malaysian Nature Society president Dr Ahmad Ismail said cases of oil spills were not new

when it came to the coastal waters of the state.

"Johor waters are one of the busiest sea routes in the world. A high number of ships pass through Johor to go to Singapore. That is why pollution cases are high in this area," said the Universiti Pertanian Malaysia Science Faculty professor.

"The government must protect our waters because this will have a prolonged impact on the environment and fishermen off the coast of Johor."

He called on fishermen to get involved in the protection of the environment and to report immediately pollution detected in the waters.

Professor Emeritus Dr Ibrahim Komoo from Institute of Environment and Development (Lestari), Universiti Kebangsaan Malaysia, said swift action was key in dealing with environmental pollution such as an oil spill.

"Swift action in cleaning up the oil spill is important or it will damage the marine environment. This is why the authorities and people should always be vigilant."

"We need to take sea pollution seriously."

"Beef up enforcement and punish the culprits, so they will learn a lesson."

Johor ruler: Beef up patrolling operations

KUALA LUMPUR: Sultan of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar wants the authorities to step up patrolling in Johor waters to prevent the discharge of marine fuel that could lead to sea pollution.

Referring to the oil spill in Tanjung Balau and Batu Layar waters in Kota Tinggi, he said the occurrence would have a negative impact on the ocean and marine lives, apart from affecting fishermen's income.

"The authorities must boost pa-

trols to curb the act of discharging waste by vessels as it would leave negative effects," Sultan Ibrahim told the Royal Press Office yesterday.

He said the authorities need to impose hefty penalties on those responsible for such acts.

Johor Marine Department on Thursday found 300 tonnes of marine fuel oil, covering a distance of 10km in Tanjung Balau and Batu Layar waters, with some of the fuel reaching a beach.

SAFER ENVIRONMENT

Chemical firms urged to adopt green corporate culture

KUALA LUMPUR: Proper disposal of chemical waste or residual material is the way forward for players in the chemical industry to ensure a safer workplace and the surrounding environment.

The "green corporate culture" must be adopted and prioritised to prevent a repeat of the Sungai Kim Kim incident in Johor recently, said National Occupational Safety and Health Institute chairman Tan Sri Lee Lam Thye.

He said managing hazardous waste might be costly for small- and medium-sized enterprises (SMEs), therefore, multinational and big chemical companies should lead the way and lend support to achieve a higher level of health, safety and environment performance through awareness initiatives.

He said the mentor-mentee approach was relevant since more than 90 per cent of players in the local chemical industry were SMEs.

"The industry continues to be a major contributor to manufactured goods exports, at 6.9 per cent last year. Although its contribution remained significant, the task of managing, handling and disposing of chemicals was equally important in ensuring a safer and cleaner environment."

"Chemical companies must self-regulate and play a role in ensuring a safer workplace and surroundings," said Lee at the Chemical Industry Dinner 2019,

organised by the Chemical Industries Council of Malaysia (CICM) here on Friday.

He said the Sungai Kim Kim incident, which affected thousands of people, was proof that if the industry did not make peace with the environment, destruction would be greater in the future.

"With the advent of the 'green corporate culture', there is a need for businesses to be more conscious about environmental issues."

Lauding CICM's efforts in making the chemical industry safer, Lee said such initiatives augured well for the country's image.

"A good safety track record will contribute to the productivity of businesses, making the chemical industry more responsible and sustainable."

Lee said Malaysia had adopted the international Responsible Care initiative for the chemical industry since 1994.

"Responsible Care is an ethic and commitment by the chemical industry to build confidence and trust in the global chemical industry."

Present at the 14th CICM annual awards and dinner was CICM chairman Datuk Dr Abd Hapiz Abdullah, who, jointly with Lee, presented the CICM Responsible Care Award 2017/2018 to the grand award winner — IOI Pan-Century Oleochemicals Sdn Bhd — for its commitment and best practices in the industry.



Tan Sri Lee Lam Thye



Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil

LAMPIRAN 32
METRO AHAD (RENCANA): MUKA SURAT 56
TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)

BUMI TANPA PENCEMARAN

■ Peserta program 'Sampah, Menyampah' ada cara sendiri pelihara, pulihara alam

Aniza Zainudin
anizazainudin@hmetro.com.my

Ucapan sayang jauh lebih mudah untuk dituturkan bagi mencerminkan perasaan dan penghargaan, namun kata-kata itu seakan-akan tidak bermakna sekiranya tidak seiring dengan tindakan.

Pelancaran kempen berkonsepkan penjagaan bumi seperti 'Setiap Hari Tanpa Beg Plastik', 'Hari Tanpa Beg Plastik', 'Tak Nak Straw', tindakan mengenakan caj pencemaran 20 sen untuk beg plastik dan sebagainya antara inisiatif diperkenalkan sebagai tanda cinta kepada alam sekitar dan bumi.

Di sebalik pelaksanaan pelbagai kempen berikhtik satu tujuan itu, bagaimanakah tahap kesedaran dan tindakan diambil rakyat Malaysia bagi memastikan kejayaan dalam menggapai misi berkenaan? Seandainya, anda mencintai bumi yang juga rumah bagi manusia sejagat, apakah tindakan yang anda lakukan untuk menunjukkan rasa cinta itu?

Pengamalan program 'Sampah, Menyampah' and



WAN Azlin menunjukkan pelapik seluar dalam mesra alam.

Friends' diadakan di Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini mendedahkan usaha positif dalam kalangan rakyat tempatan yang menyokong idea mewujudkan suasana bumi tanpa pencemaran di samping menzhirkan rasa cinta terhadap bumi menerusi cara tersendiri.

Peserta program, Wan Azlin Kamarudin, 33, berkata rentetan daripada masalah senggugut dialami setiap bulan menjadi titik

permulaan kepadanya untuk menggunakan barangan keperluan wanita secara alami.

"Generasi nenek moyang kita dulu menggunakan kain sebagai pelapik seluar dalam sekiranya datang haid. Apabila saya kerap mengalami masalah senggugut, emak menyarankan supaya saya mengikut cara nenek moyang. Berdasarkan pengalaman saya, kesakitan

itu beransur hilang sepanjang melakukan kaedah tradisional berkenaan.

"Dikategorikan mesra alam dengan memanfaatkan sumber kain kapas, saya mendapat idea untuk menghasilkan pelapik seluar dalam mesra alam tanpa menggunakan plastik mahupun fabrik sintetik seperti 'fleece' atau 'minky'.

"Pelapik seluar dalam wanita sekarang



PILIHAN penyedut minuman.



CAROLYN

kebanyakannya menggunakan plastik bersesuaian dengan era hari ini. Tetapi sebenarnya ia menjadi ancaman kepada alam sekitar sekiranya tidak diuruskan sebaiknya.

"Ada antara kita yang kurang peka apabila membuang pelapik seluar dalam terpakai ke dalam tandas, yang pastinya berakhir di sumber minuman kita. Ia bukan saja mengancam sumber air bersih, bahkan hidupan sungai mahupun laut.

"Bertanggungjawab untuk melindungi bumi, saya terpenggil untuk menghasilkan inovasi ini meskipun ia tampak kecil, namun saya yakin ia mampu

Kerjasama ini mampu mencetuskan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai usaha yang perlu dilakukan mereka bagi mengekalkan kelestarian bumi

CAROLYN



SIMBOLIK pencemaran alam akibat fesyen.

LAMPIRAN 32 (SAMB.)

METRO AHAD (RENCANA): MUKA SURAT 57

TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)

memberi impak besar sekiranya kita bersama-sama menyedari peranan dalam penjagaan alam sekitar," katanya.

KONGSI ILMU URUS SAMPAH

Bagi Umi Kalsom Ismail, 33, pula dia bersama komuniti Conserve Eco Services terpacang untuk mendidik dan berkongsi maklumat serta pengetahuan dengan masyarakat setempat di Bukit Jelutong, Shah Alam.

Fokus pada kawasan kediaman, wanita ini aktif menganjurkan bengkel dan seminar percuma untuk berkongsi ilmu mengenai pengurusan dan kaedah sampah sifar khususnya kepada golongan suri rumah.

"Idea ini termasuk pembuatan dan penggunaan pembalut makanan berasaskan lilin lebah yang pastinya dapat mengurangkan penggunaan plastik dalam rutin harian.

"Pembalut makanan lilin lebah ini sememangnya sudah lama digunakan masyarakat luar terutama Eropah. Ia diperbuat daripada kain kapas atau batik (jika ingin ciri tradisional), lilin lebah, resin, minyak jojoba dan kelapa.

"Pembalut ini sesuai untuk membungkus makanan kering dan tidak panas, malah ia juga selamat digunakan. Kaedah ini perlu dipromosikan bagi mengurangkan penghasilan sampah domestik.

"Selain itu, kita turut menggalakkan masyarakat memilih produk keperluan harian yang tidak menggunakan botol plastik seperti syampu, sabun, bahan pencuci lain sekiranya ada pilihan yang mesra alam," katanya.

Sementara itu, Pegawai Farmasi, Fakulti Farmasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Hanisah Azhari turut berkongsi inovasi dari Jepun iaitu tong Bokashi bagi pengurusan sampah domestik dengan bijak.

Teknik pengkomposan Bokashi adalah mengumpulkan semua sisa dapur termasuk daging dan produk tenusu yang dimasukkan dalam tong kedap udara sebelum ditambah yis untuk menguraikan sisa berkenaan seterusnya dijadikan baja.

Katanya, tong Bokashi akan ditutup kemas selepas



UMI Kalsom menunjukkan pembalut makanan daripada lilin lebah.



PILIHAN yang mesra alam



RAIH tarikan orang ramai.



SYAMPU dalam bentuk ketulan.

sisa terkumpul sudah penuh dan dibiarkan sekurang-kurangnya dua minggu lagi bagi proses pengkomposan sepenuhnya sebelum ia boleh digunakan. Menariknya, teknik Bokashi ini bukan saja boleh digunakan untuk sisa makanan, malah najis binatang peliharaan seperti kucing boleh dikitar semula.

Dr Hanisah yang turut mengamalkan teknik

ini dalam kehidupannya mengakui usaha ini boleh membantu penghuni rumah menguruskan sampah lebih cekap, sekali gus mendidik mereka mengenai pengasingan sampah kitar semula.

PAKAIAN JUGA MENCEMAR BUMI

Pengasas bersama Sampah, Menyampah, Carolyn Lau berkata, program berkenaan dianjurkan sebagai manifesto mempromosikan usaha dilakukan komuniti Malaysia yang memelihara bumi.

Program kali kedua diadakan itu yang menghimpunkan golongan pejuang alam sekitar sama ada individu mahupun badan bukan kerajaan (NGO), disifatkan menerima sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

"Kerjasama ini mampu mencetuskan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai usaha yang perlu dilakukan mereka bagi mengekalkan kelestarian bumi.

"Selain meningkatkan kesedaran, kita juga ingin memperluaskan komuniti yang mengamalkan 'sampah

sifar' dan mengurangkan penggunaan plastik dalam kehidupan.

"Bagi pengunjung yang terbiasa dengan konsep ini, mereka tahu tiada sebarang beg plastik mahupun kertas digunakan dalam transaksi pembelian produk dijual pada program ini dan mereka akan membawa beg mesra alam sendiri," katanya.

Pada masa sama, Carolyn turut menekankan fesyen dan pakaian juga antara faktor utama menyumbang kepada pencemaran bumi. Ini ditonjolkan dengan idea 'Fast Fashion' yang melebihi ketinggian Menara Berkembar Kuala Lumpur.

"Keghairahan membeli pakaian tidak diperlukan hanya kerana harganya murah, mencetuskan pembaziran serta pencemaran. Seharusnya, pakaian boleh dipakai dalam tempoh masa yang lama malah sekiranya ia rosak ia boleh dikitar semula.

"Penghasilan sehelai kemeja-T kapas menggunakan 2,400 liter air. Penggunaan air ini merangkumi proses penanaman pokok kekabu hingga ke peringkat akhir baju yang sedia dipakai.

"Sumber yang kita miliki semakin berkurangan berbanding dahulu, justeru menjadi tanggungjawab besar untuk kita memelihara dan memulihara alam dan bumi," katanya.

Selain gerai jualan barangan mesra alam, program ini sempena sambutan Hari Bumi Sedunia yang diraikan setiap 22 April turut disampaikan dengan bengkel serta seminar berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

FOTO AZIAH AZMEE

LAMPIRAN 33
METRO AHAD (SETEMPAT): MUKA SURAT 8
TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)

TANJUNG BALAU TERCEMAR

HUJAN BANTU LARUT MINYAK

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Kota Tinggi

Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) memperluaskan pemantauan operasi hari ketiga pembersihan sisa tumpahan minyak di perairan Tanjung Balau membabitkan Pulau Lima dan Pulau Mungging di sini, semalam.

Penolong Pegawai Laut, Roslee Ibrahim berkata, perluasan kawasan pemantauan ke dua lokasi itu berikutan pihaknya tidak menemui tompokan baharu di perairan berkenaan.

Katanya, keputusan memperluaskan lokasi baru

Operasi pemantauan diperluaskan ke Pulau Lima, Pulau Mungging selepas nelayan tidak menemui tompokan baharu

itu juga berdasarkan maklumat diperoleh daripada nelayan yang mendakwa tidak menemukan tompokan minyak di perairan itu, kelmarin.

"Hasil temu bual bersama nelayan Tanjung Balau pagi ini (semalam), mereka mengesahkan tidak menemui tompokan baharu tumpahan minyak di laut, malam tadi (kelmarin).

"Berdasarkan maklumat itu, kami mengambil keputusan memperluaskan

pemantauan dari perairan Tanjung Balau hingga ke Pulau Lima dan Pulau Mungging," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, dengan kekuatan 10 anggota, Bot Al Nilam memulakan operasi pemantauan bermula jam 8 pagi semalam.

"Ia dijangka berakhir pada jam 6 petang, memandangkan tempoh itu diperlukan untuk mendapatkan peralatan tambahan yang dihantar ibu



pejabat melalui laluan darat hari ini.

"Sebanyak 40 absorbent boom akan tiba dan ia akan digunakan bagi menyerap kesan tumpahan minyak sekiranya ditemui," katanya.

Mengulas mengenai pencarian hari kedua semalam, Roslee berkata, tiada peralatan digunakan

memandangkan pihaknya tidak menemui tompokan baharu.


"Pemantauan hari kedua semalam membabitkan kawasan di Tanjung Balau, Batu Layar hingga ke perairan Tompok Utara, namun tidak menemui tumpahan minyak MFO (Marine Fuel Oil) itu," katanya.

Menurutnya, hujan di perairan itu semalam membantu proses pelarutan tumpahan minyak.

"Hujan boleh memecahkan dan menipiskan tompokan minyak selain keadaan cuaca panas pula membantu proses semula jadi pengewapan minyak," katanya.

LAMPIRAN 33 (SAMB.)
METRO AHAD (SETEMPAT): MUKA SURAT 9
TARIKH: 21 APRIL 2019 (AHAD)

SITUASI pencemaran pesisir pantai di Tanjung Balau dirakam menggunakan dron.



Sultan mahu rondaan ditingkat

Johor Bahru: Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mahu pihak berkuasa mempertingkatkan serta memperketatkan rondaan di perairan Johor bagi mengelak pembuangan minyak kapal hingga mencemarkan laut.

Merujuk kepada kejadian tumpahan minyak di perairan Tanjung Balau dan Batu Layar, Kota Tinggi baru-baru ini, Sultan Ibrahim bertitah perkara itu akan memberi pelbagai kesan negatif kepada laut dan hidupan marin, selain menjejaskan pendapatan nelayan.

"Pihak berkuasa perlu mempertingkatkan rondaan bagi mencegah aktiviti pembuangan sisa oleh kapal tangki kerana ia akan memberi pelbagai kesan negatif," titahnya kepada *Royal Press*

Office (RPO), semalam.

Baginda bertitah, pihak berkuasa perlu mengenakan tindakan serta hukuman berat terhadap mereka yang didapati melakukan perbuatan itu.

Rabu lalu, *Harian Metro* melaporkan Jabatan Laut Wilayah Selatan menemui tompokan tumpahan minyak sepanjang kira-kira 10 kilometer di perairan Tanjung Balau dan Batu Layar, dipercayai berpunca daripada aktiviti pembuangan sisa oleh kapal tangki yang melalui kawasan berkenaan.

Kapal dipercayai membuang *Marine Fuel Oil* (MFO) ke laut bagi mengelak bayaran dikenakan di pelabuhan berikutan harganya dikatakan terlalu tinggi.

Nelayan dah mula turun laut cari makan

Kota Tinggi: "Kami bersyukur walaupun belum pulih sepenuhnya, tetapi pemantauan berterusan pihak berkuasa membantu nelayan kembali ke laut," kata Pengerusi Persatuan Nelayan Pengerang, Abu Bakar Mohamad, semalam.

Abu Bakar dan 50 nelayan Tanjung Balau dan Tanjung Lompat di sini, mula ke laut semalam selepas terjejas akibat tumpahan minyak sejak Rabu lalu.

Menurutnya, pemantauan secara berterusan Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) di perairan Tanjung Balau di sini, memberi kesan positif dalam usaha mengurangkan kesan tompokan minyak

Marine Fuel Oil (MFO) di pesisir pantai.

Abu Bakar berkata, jumlah tompokan minyak yang berkurangan mendorong nelayan turun ke laut mencari rezeki.

"Sebaik diberitahu keadaan bertambah baik, kami berani kembali ke laut. Daripada tiada apa-apa, sekurang-kurangnya ada juga rezeki nelayan yang terpaksa 'bercuti' sejak dua hari lalu.

"Nampaknya nelayan sudah boleh cari makan dan mereka membersihkan bot sekadar termampu kerana tidak mahu menunggu lama hingga terputus pendapatan," katanya.

LAMPIRAN 34
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14
TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Kota Tinggi

"Ini pencemaran terburuk pernah kami alami," kata Pengerusi Koperasi Sinar Tanjung Balau, Salahuden Abu Bakar mengulas insiden pembuangan sisa *Marine Fuel Oil* (MFO) di kawasan itu sejak pagi Rabu lalu.

Ini terbukti apabila minyak kapal itu dilihat dengan jelas mengotori pesisir pantai Tanjung Balau hingga memberi kesan kepada sektor pelancongan.

Paling merisaukan tempoh baik pulih kesan pencemaran itu mengambil masa

berbulan, malah kesan tumpahan minyak sebelum ini hanya dapat diselesaikan sepenuhnya dalam enam bulan.

Menurut Salahuden, lebih terkesan apabila nelayan pesisir pantai mengalami kerugian besar apabila bubu dan peralatan menangkap ikan rosak.

"Kebetulan, banyak bubu baru yang dibuat menggunakan rotan, kayu dan dawai direndam di pesisir pantai bagi melembutkan strukturnya serta mengubah warnanya supaya kelihatan asli.

"Bagaimanapun, bubu yang dibeli pada harga RM200 setiap satu disaluti minyak hitam hingga menjejaskan mata pencarian nelayan

di kawasan ini," katanya di jeti Tanjung Balau di sini, semalam.

Katanya, bau minyak yang kuat menyebabkan ikan tidak masuk dalam bubu yang diletak di dasar laut.

"Kalau dibersihkan bubu itu belum tentu dapat menjatuhkan ikan mahupun hasil laut lain kerana bau minyak yang melekat dan sukar dibersihkan," katanya.

Salahuden berkata, insiden itu mengakibatkan nelayan kerugian RM8,000 selepas hampir 40 bubu direndam di pesisir pantai disaluti minyak hitam.

"Itu baru saja mengambil kira kos bubu, tidak termasuk kerugian daripada 20 bubu lain yang dipasang dan mampu menjana

40 guni sisa minyak hari pertama

Kota Tinggi: Kira-kira 40 guni sisa minyak *Marine Fuel Oil* (MFO) dikumpul menggunakan *absorbent boom* pada hari pertama pembersihan minyak di perairan Tanjung Balau di sini, kelmarin.

Penolong Pegawai Laut, Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) Roslee Ibrahim berkata, jumlah minyak dikumpulkan itu meliputi kawasan seluas 500 hingga 700 meter persegi dari lokasi tumpahan.

"Kerja pembersihan perairan Tanjung Balau dimulakan pada jam 6 pagi semalam (kelmarin) selepas pemantauan menggunakan dron dan sistem komputer Apas melalui satelit menemukan tumpukan minyak," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut beliau, pemantauan hari

kedua di laut tidak menemui tumpukan minyak baharu.

"Operasi bermula jam 8 pagi ini (semalam) diteruskan dengan mengesan tumpukan minyak di lokasi sama yang dilakukan semalam (kelmarin).

"Justeru kerja pembersihan pada hari kedua difokuskan di lokasi sama selepas kedudukan minyak dikesan melalui sistem satelit dan dron," katanya.

Menurutnya, pasukannya masih menggunakan kekuatan 10 anggota termasuk pegawai daripada bot Al Nilam bagi melaksanakan pembersihan kawasan terjejas.

"Sekiranya didapati tumpukan minyak MFO masih besar, kami akan menambah kekuatan bot dan anggota," katanya.


TANJUNG BALAU TERCEMAR

IKAN TAK MASUK BUBU

■ Nelayan rugi RM8,000 perangkap diselaputi minyak



**LAMPIRAN 34 (SAMB.)
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15
TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)**



PASUKAN Oils Spill Response menjalankan operasi membersihkan minyak menggunakan penyerap.

pendapatan RM400 hingga RM500 seminggu. "Jarak bubu ditempatkan 500 meter hingga satu kilometer dan kedalaman 15 meter untuk membolehkan hasil tangkapan yang banyak," katanya. Katanya, nelayan Tanjung Balau dan Tanjung Lompat berharap dibayar pampasan akibat tumpahan minyak itu. Katanya, sebelum ini pencemaran yang berlaku di kawasan itu hanya membabitkan tempakan minyak. "Tetapi kali ini pencemaran membabitkan pesisir pantai sejauh dua kilometer. Ia juga melekat pada batu yang kerap dijadikan rujukan pelajar arkeologi Universiti Malaya (UM) bagi tujuan penyelidikan," katanya.



TUMPAHAN minyak meliputi kawasan seluas 700 meter persegi.



BUBU yang dibeli RM200 setiap satu tidak boleh digunakan lagi.



BANYAK bubu baru yang direndam diselaputi minyak.



SALAHUDEN menunjukkan bubu miliknya yang diselaputi minyak.



SISA minyak mencemari pesisir Pantai Tanjung Balau.

Kota Tinggi

Guna drone pantau tumpahan

Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) menggunakan drone bagi merakam gambar dan video tumpahan minyak di Perairan Tanjung Balau di sini, untuk mengenal pasti kawasan terjejas dan merangka usaha pembersihan sejak kelmarin. Pengarahnya, Dickson Dollah berkata, penggunaan drone memudahkan kakitangannya membuat anggaran kawasan terjejas akibat pembuangan Marine Fuel Oil (MFO) itu. "Penggunaan drone membolehkan kami melihat dengan jelas dari atas ke mana tumpahan minyak itu dihanyutkan, sama ada menghalau laut atau pantai berdekatan. "Kami boleh mengambil langkah seterusnya termasuk merangka usaha pembersihan," katanya ketika ditemui mengendalikan drone di bot Jabatan Laut, Al Nilam, kelmarin.

Kota Tinggi

Seminggu bersih minyak

Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) dijangka mengambil masa seminggu untuk membersihkan tumpahan minyak di perairan Tanjung Balau di sini. Pengarahnya, Dickson Dollah berkata, bagaimanapun tempoh itu bergantung kepada cuaca. "Melihat kepada situasi ketika ini, kami menjangkakan kerja pembersihan sisa tumpahan minyak mengambil masa seminggu. "Jika keadaan cuaca mengizinkan dan sisa minyak tidak dibawa arus akibat tiupan angin, ia akan diselesaikan dalam tempoh berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam. Menurutny, pasukan Oils Spill Response jabatan itu digerakkan bagi misi membersihkan tumpahan minyak dengan menggunakan peralatan tambahan Absorbent Boom. "Kami berharap pemantauan hari pertama pembersihan semalam (kelmarin) dapat mengelak sisa berkenaan mencemari pantai. "Berdasarkan pemerhatian, arus yang kuat sebelum ini mengakibatkan sisa minyak ke pantai Tanjung Balau," katanya.

LAMPIRAN 35
NEW STRAITS TIMES (NATION / NEWS): MUKA SURAT 13
TARIKH: 20 APRIL 2019 (SABTU)



An aerial picture taken by a drone showing the Marine Department ship 'Al Nilam' cleaning up the oil slick in the waters off Tanjung Balau in Kota Tinggi yesterday. PIX BY ZAIN AHMED

SEA POLLUTION

COMPENSATE US, SAY FISHERMEN

Oil slick has damaged our fishing equipment, they claim

MOHD SABRAN MD SANI
AND NURUL AMANINA SUHAINI
KOTA TINGGI
cnews@nstp.com.my

WITH their livelihood threatened by the recent oil slick, some 50 fishermen in Tanjung Balau and Tanjung Lompat have turned to the government for assistance.

"This is the worst oil slick we

ever faced," said Koperasi Sinar Tanjung Balau chairman Salahuden Abu Bakar.

The oil was also seen on nearby beaches, posing a threat to the marine ecosystem and tourism. He said rehabilitation efforts would take at least six months after the 10km slick was cleared.

This, he said, was on top of the losses they suffered due to damaged fishing equipment, including *bubu* (fish traps) and nets.

"Most of our new *bubu* are made of rotan, wood and steel wires. They are used here as they blend well with the natural landscape and made catching fish more effective.

"However, the new *bubu*, which costs RM200 each, are now covered in black oil. Even if we manage to clean them up, there is no guarantee that they will be usable again as the strong scent of grease will drive fish away," he said at Tanjung Balau here.

He said the fishermen had suffered losses amounting to RM8,000 when 40 of their fish traps were damaged.

"Each fisherman earns between RM400 and RM500 weekly. However, they cannot use *bubu* due to the oil slick," he said.

Salahuden hoped that the government could help the fishermen obtain compensation from the parties responsible.

The Marine Department had, on Thursday, found 300 tonnes of marine fuel oil covering a distance of 10km in Tanjung Balau and Batu Layar waters, with some of the black substance reaching the beach.

It had informed the Johor Environment Department to conduct a check on the oil samples.

Drone comes in handy for Marine Dept's clean-up work

KOTA TINGGI: The Marine Department Malaysia (southern region) is using drone technology to record images and videos of the oil slick in the waters off Tanjung Balau here to identify affected areas and plan clean-up work.

Its director, Dickson Dollah, said the drone had helped the department's personnel to estimate the extent of the oil-to-sea discharge.

"It is common to use drones to monitor oil spills in the sea. This is because we can have a clear aerial view of the slick and where it is heading, whether further out or to nearby beaches.

"That way, we can make the next move, including coming up with a plan to clean up the slick," he said on board the Marine Department's boat, *Al Nilam*, yesterday.

Dickson said the special drone was supervised by the Marine Department's emergency unit and was deployed since the first day of the oil spill.

"The emergency unit follows the boat. It does not only assist with the clean-up work, but also comes in handy in the event of a shipwreck. We have the expertise to handle the drone, which can record pictures and videos as evidence and store information for future reference."

According to Dickson, the drone would record pictures and videos of ship movements.

He said drones were used by the Marine Department in three circumstances: shipwreck investigations, salvaging operations and oil spills.

Bernama yesterday reported that the authorities had suspected that foreign tankers had discharged marine fuel into the sea, resulting in an oil slick off Kota Tinggi on Wednesday.

Quoting Dickson, it said satellite images had captured several vessels anchoring for more than two days from April 14 in the waters off Tanjung Balau and Batu Layar, where the slick was detected.

Dickson believed these ships could have discharged the fuel at night to avoid detection, and they had since left the area.

He estimated 300 tonnes of marine fuel oil had been dumped, covering an area of about four nautical miles from the coast.

A clean-up operation had been launched yesterday, he said, adding that it could take three to four days to clear the slick.



(Left) The oil slick found on a beach in Tanjung Balau, Kota Tinggi, yesterday. (Right) The crew of 'Al Nilam', a boat belonging to the Marine Department, deploying a net to clean up an oil slick yesterday.

LAMPIRAN 36
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 41
TARIKH: 22 APRIL 2019 (ISNIN)

Planet baharu di sistem solar Kepler-47


SAN DIEGO, California – Ahli astronomi Amerika Syarikat (AS) telah menemui planet ketiga dalam sistem solar Kepler-47 yang mempunyai dua matahari, lapor *The Astronomical Journal* baru-baru ini.

Penyelidik Universiti Kebangsaan San Diego memaklumkan planet itu lebih besar daripada planet Neptune tetapi kecil daripada Zuhal dengan suhu permukaan kira-kira 169 darjah Celsius.

Sebelum ini hanya dua planet dikesan mengelilingi orbit Kepler-47 kerana planet ketiga itu tidak melintas di hadapan dua matahari tersebut menyebabkan teleskop angkasa lepas Kepler milik Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan AS (NASA) gagal mengesannya.

"Kami mula mengesan sedikit petunjuk planet ketiga pada tahun 2012 tetapi kami memerlukan lebih banyak data untuk mengesahkannya. Dengan imej pergerakan terbaru, kami dapat mengesahkan tempoh pusingan orbit planet baharu itu," kata ketua penyelidik, Jerome Orosz.

Kumpulan penyelidik itu juga agak terkejut dengan lokasi dan saiz planet baharu tersebut. Planet baharu itu adalah yang paling besar antara ketiga-tiga planet dalam sistem solar berkenaan tetapi terselindung sejak sekian lama. – Agensi



NASA/JPLCALTECH/T.PYLE

ILUSTRASI artis menunjukkan orbit tiga planet dalam sistem solar Kepler-47.



NASA/JPLCALTECH/T.PYLE

ILUSTRASI artis menunjukkan saiz planet baharu tersebut (tengah) berbanding saiz dua planet lain yang ditemui dalam sistem solar sama pada 2012.